

Lawatan Ke Long Busang



Pasukan Komuniti Kesihatan Mental, Hospital Bintulu telah menggunakan Perkhidmatan Doktor Terbang bagi membuat lawatan ke Long Busang sejak 26hb November 2012.

Lawatan tersebut dibuat 2 kali setahun. Pada tahun 2014, 2 kali lawatan telah dibuat iaitu pada 17 May 2014 dan 14 Oktober 2014

Ahli-ahli pasukan adalah terdiri daripada pakar klinikal psikiatri, penolong pegawai perubatan dan jururawat.

Pasukan tersebut telah singgah di Klinik Kesihatan Belaga pada hari sebelumnya untuk lawatan klinik pakar dan lawatan komuniti psikiatri di sana sebelum bertolak ke Long Busang pada hari keesokan.



Pemandangan Perkampungan Long Busang dari udara



Pasukan Komuniti Kesihatan Mental berjalan kaki menuju ke rumah seorang pesakit dengan diketuai oleh Ketua Kampung.